

CNS1643

U GB 28-04 00163 BD987

bah

Mahathir - Ucapan

ZIMBABWE JADI TARIKAN KEPADA PELABUR MALAYSIA

Daripada Zainoor Sulaiman

I

HARARE, 28 April (Bernama) - Zimbabwe semakin menjadi tarikan kepada pelabur Malaysia dengan pembaharuan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam tadi.

"Peluang bagi interaksi ekonomi antara Malaysia dan Zimbabwe terbuka luas," kata beliau ketika berucap pada majlis jamuan rasmi yang diadakan oleh Presiden Robert Mugabe, di sini.

"Ekonomi Malaysia yang berkembang pesat menawarkan pasaran yang baik bagi eksport dan sumber bekalan untuk Zimbabwe mendapatkan pelbagai barangan," kata Perdana Menteri.

Dalam pada itu, Malaysia boleh menjadi pintu masuk bagi pasaran serantau di Asia Tenggara dan Asia Timur yang mengalami pertumbuhan pesat hasil keteguhan dan iklim ekonomi yang memberangsangkan.

Beliau berkata Asean, pertumbuhan serantau yang paling menyertahi di rantau itu juga sedang berusaha ke arah merealisasikan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) yang akan merangsangkan lagi pembangunan ekonomi negara anggota. -- Lagi

♥28/04/09-51MST

U GB 28-04 00180 BD991

bah

Mahathir - Ucapan 2. (Akhir) Harare

Perdana Menteri mengulangi komitmen Malaysia untuk mempertingkatkan hubungan ekonomi dan perdagangan dengan Zimbabwe sambil berkata Malaysia juga ingin berkongsi kepakaran teknikal antara satu dan lain sejajar dengan komitmen ke arah merealisasikan potensi kerjasama Selatan-Selatan.

Beliau berkata perjanjian dua hala bagi mengelakkan cukai berganda, jaminan pelaburan dan perkhidmatan udara yang dijadual ditandatangani di sini esok, meletakkan asas ke arah meningkatkan kerjasama.

Dr Mahathir berkata, peluang kini terbuka bagi pelaburan dan usahasama dalam bidang seperti pembinaan, pengangkutan, perlombongan, pelancongan dan tenaga.

Mengenai isu antarabangsa, Dr Mahathir berkata, sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Komanwel, Kumpulan 77 dan Kumpulan Negara Membangun (G-15), kedua-dua negara telah berusaha untuk menyumbang ke arah mengekalkan keamanan dan keselamatan antarabangsa dan tidak kurang juga pemupukan pembangunan ekonomi dan sosial sejagat.

Malaysia menyokong penuh pemusatan peranan PBB dalam isu-isu antarabangsa dan pada masa yang sama percaya bahawa pendemokrasian hubungan antarabangsa juga perlu merangkumi usaha merombak semula Majlis Keselamatan demi mencerminkan perubahan senario dunia masa kini. -- Bernama

ZBS FAZ